

**KENYATAAN AKHBAR  
KETUA PENGARAH  
JABATAN ALAM SEKITAR MALAYSIA  
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR (NRE)**



**BERHUBUNG KEJADIAN KEBAKARAN DI KUALITI ALAM SDN. BHD, LADANG  
TANAH MERAH A3 DIVISION 71960 BUKIT PELANDOK PADA 27 FEBRUARI 2015**

**1 MAC 2015**

Kenyataan Akhbar ini adalah untuk memaklumkan status terkini tindakan Jabatan Alam Sekitar Malaysia (JAS) berhubung kejadian kebakaran yang berlaku di Kualiti Alam Sdn. Bhd. (KASB) pada 27 Februari 2015.

JAS masih meneruskan pemantauan kualiti udara di enam (6) lokasi yang dikenalpasti sebagai *receptor* terhampir akibat kejadian kebakaran yang berlaku di KASB. Bacaan in situ dicerap dalam setiap jam bagi melihat trend kualiti udara di kawasan yang terlibat. Berdasarkan aktiviti pemantauan yang dijalankan, mendapati kualiti udara adalah di paras selamat.

Tindakan pembersihan oleh pihak KASB telah mula dijalankan semenjak petang semalam bagi pengurusan buangan terjadual yang terlibat.